

HARI KE - 7

• **Majlis Aqiqah**

Tiap-tiap anak itu tertebus (Terpelihara daripadanya kemudaratan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya yang disembelih untuk dia ketika hari ketujuh dan dicukur, lalu diberi nama. Maksud hadis.



• **Berkhatan**

• **Binatang sembelihan**

Juga disunatkan menyembelih binatang ternakan seperti kambing, kibas, lembu atau unta sebagai aqiqah bagi bayi yang baru dilahirkan. Ia disunatkan sekali sahaja seumur hidup. Oleh itu aqiqah dilakukan berulang bagi setiap kelahiran anak.

Syarat-syarat binatang aqiqah adalah seperti berikut:

- 2 ekor kambing atau kibas bagi seorang anak lelaki.
- 1 ekor kambing atau kibas bagi seorang anak perempuan
- 1 ekor lembu atau unta untuk dibahagikan kepada 7 bahagian, 2 bahagian bagi seorang anak lelaki dan 1 bahagian bagi anak perempuan.

Syarat umur haiwan yang dipilih adalah seperti berikut:

1. Kambing/biri-biri berumur 2 tahun atau lebih.
2. Lembu/kerbau berumur 2 tahun masuk 3 tahun.
3. Unta berumur 5 tahun masuk 6 tahun.
4. Kibas berumur 6 tahun ke atas.

Tiada sebarang kekurangan atau kecacatan. Dagingnya sunat disedekah yang sudah dimasak atau dikendurikan. Tulang-tulang binatang yang disembelih hendaklah dipotong mengikut sendi-sendirinya dan tidak boleh dipecahkan.

Hikmah aqiqah adalah seperti berikut:

1. Sebagai pengisytiharan atau pengumuman kepada orang ramai bahawa Allah SWT telah memberi nikmat dan pengurniaan kepada hamba Nya, iaitu anak yang baru lahir.
2. Sebagai tanda kesyukuran dan terima kasih atas kurniaan Allah SWT.
3. Sebagai permulaan kebajikan dan kebaikan bagi pihak bayi itu.
4. Mengambil sempena dengan sembelihan itu.



• **Mencukur Rambut Bayi**

Sunat dicukur rambut bayi yang baru dilahirkan dengan membotakkan keseluruhan rambut kepala. Hikmat dari

segi kesihatan ia boleh menguatkan pertumbuhan rambut, ketajaman penglihatan mata, pendengaran dan deria bau. Jauhkan perkara-perkara khurafat.

• **Timbang Nilai Rambut & Sedekah**

Rambut itu ditimbang dan dinilai dengan emas/perak serta disedekahkan kepada fakir miskin.

• **Memberi Nama Anak**

Bapa dikehendaki menamakan bayi dengan nama-nama yang membawa maksud dan pengertian yang baik kerana ia merupakan doa kepada bayi.

• **Isytihar Nama Bayi**

Bapa dikehendaki mengumumkan nama bayinya kepada orang ramai dalam majlis aqiqah supaya dapat membantunya dalam proses nasihat dan bimbingan sewaktu pembesarannya.

• **Doa Memberi Nama Anak**

Ya Allah wahai Tuhan kami, jadikanlah nama yang diberikan ini member keberkatan kepadanya, panduan segala usahanya ke arah keredhaanMu, jadikanlah menuntut ilmu sebagai matlamatnya dan akhirkan hidupnya dengan amal-amal soleh. Ya Allah wahai Tuhan kami, berkatilah usianya dalam ketaatan kepadaMu dan kepada RasulMu dan jadikan tubuh badannya dalam keadaan sihat walafiat. Ya Allah, jadikanlah ia pemimpin di waktu dewasa, teguhkan imannya sepertimana iman para nabiMu sehingga hari kiamat. Ya Allah kurniakan ia rezeki yang halal dan berkat, dekatkanlah ia dengan kebajikan dan jauhkan ia daripada kejahatan dengan rahmatMu Ya Allah Yang Maha Pengasih.

TENTATIF MAJLIS KENDURI AQIQAH

1. Berkhatan
2. Sembelihan binatang aqiqah
3. Solat berjemaah
4. Bacaan yasin dan tahlil
5. Berzanji
6. Selawat dan Marhaban
7. Bercukur
8. Doa menamakan bayi
9. Doa selamat
10. Jamuan



Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

Tingkat 1 & 2, Bangunan C2S,
Sayap Timur, Kota Iskandar,
79603 Nusajaya, Johor Bahru, Johor.

Tel: 07-2666 526 / 2661 221 Faks: 07-2661 222

email: ypkjohor@ypkdt.org.my

Laman web: www.ypkdt.org.my



يأياسن قباغونن كلوار كئا دارالتعظيم

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

Panduan Menyambut Kelahiran Bayi

Kami mengucapkan tahniah di atas kelahiran bayi tuan/puan.

Semoga beliau menjadi anak yang soleh & solehah

Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi S.A.W. bersabda yang bermaksud:

"Setiap anak yang dilahirkan itu dalam fitrah (Ibarat kain putih bersih). Maka, ibubapanyalah yang akan mencorakkan hidupnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi".

KAEDAH MENYAMBUT KELAHIRAN

Islam menggariskan beberapa perkara yang disunatkan sewaktu menyambut kelahiran bayi mengikut tatacara seperti berikut:

Panduan Untuk Suami

- **Membaca surah-surah berikut semasa menanti saat kelahiran bayi:**
- **Surah al-Inshiqaq: 1-5 bermaksud:**
Apabila langit terbelah; serta mematuhi perintah tuhan dan sudah semestinya ia patuh; dan apabila bumi diratakan; serta mengeluarkan apa yang di dalamnya dan menjadi kosong; serta mematuhi perintah tuhan dan sudah semestinya ia patuh.
- **Surah al-Hasyr: 3 bermaksud:**
Dan kalaulah tidak kerana Allah SWT telah menetapkan pengusiran (yang demikian buruknya) terhadap mereka, tentulah ia akan menyiksa mereka di dunia dan dalam pada itu mereka akan beroleh azab seksa neraka.
- **Bersama-sama isteri sewaktu saat kelahiran.**



Panduan Untuk Isteri

- Mandi wajib Wiladah (selepas bersalin)
- Memperbanyakkan Istighfar, tasbeeh, tahmid, takbir, tahlil.
- Mengucapkan Alhamdulillah selepas bayi selamat dilahirkan.
- Berdoa agar zuriat ini menjadi anak yang soleh dan solehah *Wahai Tuhan kami berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami; perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya; dan jadikanlah kami imam/pemimpin ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.*

Penyusuan Ibu

Firman Allah SWT bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama 2 tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu. (Al-Baqarah : 233).

Doa Ketika Penyusuan Bayi

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا وَرِزْقًا مِنَّا

Maksud Doa Ketika Menyusukan Bayi

Dengan namamu Ya Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang wahai Tuhan kami, Berkatilah dengan apa yang telah Engkau berikan kepada kami dan tambahkan daripadanya.

Mandi Wajib Nifas (kering darah)

Mandi kerana ialah berhentinya darah yang keluar dari rahim perempuan selepas melahirkan anak sekalipun hanya setitik walaupun belum sampai 40/6 hari. Lafaz niatnya (*Sahaja aku menyucikan diriku daripada hadas nifas fardhu ke atasku kerana Allah Ta'ala*).

MENYAMBUT KELAHIRAN

Islam mensyariatkan supaya bayi yang baru dilahirkan setelah dipotong tali pusatnya dan dibersihkan serta dibenarkan melihat, sunat diazankan dan diiqamatkan secepat mungkin.

Ketika bayi itu dibersihkan digalakkan pula jururawat atau bidan memperbanyakkan zikir atau selawat sehingga selesai tugasnya supaya bayi itu teguh imannya daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT.

Azan di telinga kanan

Iqamah di telinga kiri

Sangat baik jika dilakukan oleh bapa bayi atau waris yang tertua dalam keluarga tersebut kerana inilah komunikasi awal sebagai pengenalan terhadap kalimah-kalimah Allah SWT untuk diperdengarkan kepadanya. Selain menjauhkannya dari gangguan jin dan syaitan.

Membaca surah Al-Qadar di telinga kanan.

Membaca surah Al-Ikhlash di telinga kiri.

Mohon supaya anak tersebut terselamat dari perbuatan zina dan diperkuatkan iman serta terjauh dari syirik.

Tahnik

- Tahnik dengan manisan madu atau sedikit kurma.
- Menggunakan jari manis yang dibaca padanya surah Al-Insyirah
- Dan baca dari surah Toha : 25-28
Nabi Musa berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku dadaku, dan mudahkanlah bagiku akan tugasku; dan lepaskanlah simpulan dari lidahku.

Lakukan ini sebelum bayi diberikan susu ibu. Semoga apabila dewasa ia akan bercakap perkara yang benar dan menjadi anak yang soleh dan baik budi pekertinya kerana kehidupan masyarakat Islam, nilai budi pekerti yang tinggi adalah perkara yang paling diutamakan dalam mencorakkan peribadi seseorang.

Menanam Uri

Apabila seseorang ibu itu bersalin, uri yang keluar bersama-sama bayi tidak boleh dibuang begitu sahaja. Ia mestilah dibasuh bersih-bersih lalu ditanam di kawasan yang sesuai.

